

# UniMAP Cemerlang

Di Seoul International Invention Exhibition (SIIF 2010)



**PENYELIDIK** Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mencatatkan kejayaan 100% dalam pertandingan Seoul International Invention Exhibition (SIIF 2010) yang berlangsung pada 1-5 Disember bertempat di Seoul, Korea. Penyelidik UniMAP yang diketuai oleh Dekan Penyelidikan dan Pembangunan, Prof. Dr. Syed Alwee Aljunied meraih 4 pingat daripada 4 penyertaan. 3 Emas dan 1 Perak menjadi milik UniMAP dan menjadi universiti yang mendapat peratusan pingat emas tertinggi iaitu 75%. Pameran ini merupakan pameran yang dianjurkan oleh Korean Intellectual Property Office (KIPO) dengan kerjasama Korean Invention Promotion Association (KIPA). Persidangan dan pameran kali ini turut dihadiri sendiri oleh Y. Bhg Brig Jen Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin dalam memberi sokongan kepada semua penyelidik.

Pingat emas UniMAP diraih oleh En. Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah, Ir. Anuar Mat Safar dan En. Zulkifli Hussin. Manakala pingat perak disumbangkan oleh Dr. Supri A. Ghani. Di samping itu juga penyelidik UniMAP juga menggondol Special Awards iaitu Creative Invention Award daripada World Intellectual Property Organization (WIPO) melalui produk A Low Cost Portable Fruit Maturity System. Di dalam perolehan pingat bagi kesemua universiti-universiti Malaysia yang bertanding di SIIF 2010, UniMAP menduduki tangga ke 4 dibelakang UMS, UM dan UIAM. Walaubagaimanapun penyelidik UniMAP mendapat tempat pertama dari segi perolehan pingat emas tertinggi dengan 75% diikuti oleh UTeM, USM, UIAM dan UMS. Sebanyak 8 IPTA serta 2 Agensi kerajaan menyertai pertandingan kali ini.

INSTITUSI	BIL. REKACIPTA	PINGAT			PERATUSAN PINGAT EMAS
		EMAS	PERAK	GANGSA	
1. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	4	3	1	-	75
2. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	6	3	2	1	50
3. Universiti Sains Malaysia (USM)	6	3	1	2	50
4. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	9	4	3	2	44
5. Universiti Malaysia Sabah (UMS)	17	6	6	5	35
6. Universiti Malaya (UM)	15	5	6	3	33
7. Universiti Utara Malaysia (UUM)	6	1	1	4	17
8. Universiti Teknologi Mara (UiTM)	10	-	2	5	0
9. MINT	2	-	2	-	0
10. MARDI	3	-	2	-	0